

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans Kerosotan Stok anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**



AmAssurance

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Insurans Kerosotan Stok?

Insurans Kerosotan Stok menyediakan perlindungan terhadap kerosotan stok yang disejukkan, didinginkan atau dibekukan dalam stor sejuk akibat kerosakan unit penyejukan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM250.00** [setahun] dan Jumlah Diinsuranskan **RM250,000**, anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut:

Polisi ini melindungi :	Polisi ini tidak melindungi :
Kerosakan kepada barangan yang dinyatakan dalam Jadual akibat kerosotan yang disebabkan oleh sebarang kehilangan fizikal yang tidak dijangka dan mendadak atau kerosakan pada jentera	- Kerugian barangan yang disimpan akibat pengecutan, kecacatan semulajadi akibat penyakit, kerosotan semulajadi atau penyisihan jati semulajadi - Kerugian akibat penyimpanan tidak sesuai, kerosakan pada material pembungkusan, pengedaran udara tidak mencukupi atau suhu tidak sekata - Kerugian disebabkan oleh pembaikan sementara jentera penyejukan oleh pihak yang diinsuranskan yang dilakukan tanpa kebenaran syarikat insurans - Penalti atas kelewatan dan sebarang bentuk kerugian turutan - Peperangan dan perang saudara - Tindakan sengaja atau kecuai ketara oleh pihak yang Diinsuranskan atau wakilnya - Kerugian atau kemusnahan sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada risiko tenaga nuclear atau rikis tenaga radioaktif

Dengan pembayaran premium **tambahan**, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:

- Mempercepatkan Perbelanjaan

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 6333



Layari kami di
www.amassurance.com.my



Emel kami di
customer@amassurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM250.00 (setahun)
(+) Perlindungan Tambahan	RM100.00 (setahun) Perlindungan Tambahan: Mempercepatkan Perbelanjaan
Premium Kasar	RM350.00 (setahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM28.00
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM388.00 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen	15% daripada Premium Kasar atau RM52.50
Nota: - Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad. - Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.	

4 Terma-Terma Utama Lain

- Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda. - Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda. - Kepentingan insurans: Anda mesti mempunyai kepentingan yang boleh diinsuranskan dalam harta benda yang diinsuranskan. Ini bermaksud anda akan mengalami kerugian kewangan jika harta benda tersebut hilang atau rosak. - Jumlah Diinsuranskan: Anda perlu memastikan bahawa jumlah yang diinsuranskan adalah sama dengan harga jualan anggaran maksimum diperolehi untuk barangan yang disimpan semasa tempoh polisi ini, harga jualan maksimum seperti yang dinyatakan di dalam Jadual yang dikemukakan oleh anda sebelum permulaan insurans bagi mengelakkan insurans tidak mencukupi. Jika tidak, anda perlu menanggung bahagian kerugian secara berkadar sekiranya harta benda yang diinsuranskan mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada jumlah diinsuranskan pada masa kerugian. - Lebih/Boleh Dipotong: Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum kami menanggung kerugian anda. - Premium: Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh Liberty General Insurance Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya polisi ini. Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan kami berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko. - Tuntutan: Anda mesti memaklumkan kami segera tentang sebarang tuntutan dan mengambil langkah yang munasabah untuk meminimumkan kerugian atau kerosakan.
Nota: Senarai ini tidak lengkap . Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium.
- Tiada bayaran balik premium jika premium minimum dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.